



**KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN**

**PANDUAN  
KERAJAAN, PIHAK  
BERKUASA TEMPATAN  
DAN BADAN BERKANUN**

## **Penerbitan**

Tarikh diterbitkan: 4 Mac 2016.

## **Notis Hak Cipta**

Hak cipta 2016 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya dengan terbitnya suatu panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem perolehan kembali atau dipanjangkan dalam apa jua bentuk termasuk di dalam laman web untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber diperlukan.

## **Penolakan Tuntutan**

Maklumat ini bertujuan memberi kefahaman umum tentang layanan berkenaan Cukai Barang dan Perkhidmatan dan memberi pemahaman yang lebih baik tentang kewajipan pembayar cukai. Ia bukannya bertujuan untuk mengemukakan pelbagai permasalahan percukaian yang mungkin timbul. Walaupun JKDM telah mengambil semua inisiatif bagi memastikan maklumat yang terkandung dalam Panduan ini adalah tepat, JKDM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dan ketidaktepatan atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang ditanggung oleh individu yang menggunakan maklumat daripada Panduan ini. Kesemua maklumat adalah terkini pada masa penyediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu

## KANDUNGAN

<b>PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
Gambaran Umum Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP).....	1
<b>SEKTOR KERAJAAN SECARA KESELURUHAN .....</b>	<b>1</b>
Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri .....	1
Pihak Berkuasa Tempatan .....	2
Badan Berkanun .....	3
Syarikat Berkaitan Kerajaan ( <i>GLC</i> ).....	3
<b>PENGAWALSELIAAN DAN PENGUATKUASAAN SECARA KESELURUHAN .....</b>	<b>3</b>
<b>LAYANAN CBP KE ATAS KERAJAAN, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN BADAN BERKANUN.....</b>	<b>4</b>
Layanan CBP Ke atas Pembekalan Oleh Kerajaan.....	4
Layanan CBP ke atas Perolehan Kerajaan .....	6
Layanan CBP Ke Atas Geran dan Subsidi Kerajaan .....	7
Layanan CBP Ke Atas Pembekalan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan Dan Badan Berkanun .....	7
Layanan CBP Ke Atas Perolehan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan Dan Badan Berkanun .....	8
Layanan CBP ke atas Pungutan Hasil oleh Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun .....	8
<b>SOALAN-SOALAN LAZIM.....</b>	<b>9</b>
<b>PERTANYAAN .....</b>	<b>15</b>
<b>BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT BERKAITAN CBP .....</b>	<b>15</b>
<b>LAMPIRAN 1 .....</b>	<b>16</b>

## **PENGENALAN**

1. Panduan ini disediakan untuk membantu anda dalam memahami Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) dan implikasi-implikasi ke atas sektor kerajaan.
2. Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan seksyen 64 Akta CBP 2014 dan undang-undang subsidiari yang berkaitan, iaitu Peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemakaian Kepada Kerajaan) 2014 dan Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014.

### **Gambaran Umum Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)**

3. CBP adalah cukai pelbagai peringkat bagi penggunaan tempatan. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan kecuali bagi pembekalan yang dikecualikan secara khusus. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke Malaysia.
4. Pembayaran Cukai dilakukan di setiap peringkat di dalam proses pengeluaran dan pengagihan. Walaupun cukai dibayar di sepanjang rangkaian pengeluaran dan pengagihan, hanya nilai ditambah di setiap peringkat dikenakan cukai dan oleh itu cukai berganda dapat dielakkan.
5. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dikenali sebagai “orang berdaftar”. Orang berdaftar dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukai yang dibuat kepada pelanggannya. Beliau dibenarkan menuntut kembali sebarang CBP yang ditanggung dalam pembeliannya (cukai input) yang merupakan input kepada perniagannya. Oleh itu cukai tersebut bukanlah merupakan kos di setiap peringkat pengeluaran dan pembekalan dan ianya tidak wujud sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan.

## **SEKTOR KERAJAAN SECARA KESELURUHAN**

### **Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri**

6. Bagi tujuan CBP, sektor kerajaan di kategorikan kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

7. Kerajaan Persekutuan terdiri daripada semua kementerian bersama-sama dengan pelbagai jabatan dan suruhanjaya yang dibentuk di bawah kementerian masing-masing/berkenaan. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya termasuk di bawah kerajaan persekutuan. Kementerian adalah badan tertinggi dalam jentera pentadbiran persekutuan. Setiap kementerian ini bertanggungjawab merangka, merancang, mengawal dan menyelaraskan dasar-dasar kerajaan berhubung dengan fungsinya. Ia juga bertanggungjawab untuk mengawal jabatan dan badan-badan berkanun di bawahnya. Jabatan-jabatan kerajaan adalah agensi kedua tertinggi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan. Biasanya, fungsi jabatan adalah berkaitan dengan beberapa dasar yang ditentukan oleh Kerajaan. Kegiatan harian jabatan kerajaan melibatkan penyampaian perkhidmatan kepada orang awam. Perkhidmatan yang disampaikan termasuklah keselamatan, pembangunan sosial dan perkhidmatan sosial yang lain.

8. Kerajaan Negeri terdiri daripada 13 buah negeri yang diketuai oleh Ketua Menteri atau Menteri Besar. Ia terdiri daripada pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dengan pelbagai bahagian, pelbagai jabatan negeri dan pejabat-pejabat daerah. Kerajaan negeri bertindak ke atas perkara-perkara yang ditugaskan kepadanya di bawah Perlembagaan Persekutuan.

9. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri pada dasarnya menjalankan fungsi pengawalseliaan dan penguatkuasaan (P&P). Semua kegiatan yang dijalankan tidak termasuk dalam skop CBP (di luar skop).

### **Pihak Berkuasa Tempatan**

10. Pihak berkuasa tempatan yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan ordinan negeri dan undang-undang kecil masing-masing. Setiap pihak berkuasa tempatan adalah satu entiti menurut undang-undang berasingan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan yang lain. Ia bertanggungjawab ke atas hal ehwal tempatan berdasarkan kepada kuasa yang ditetapkan oleh kerajaan persekutuan atau negeri. Ia menjalankan fungsinya mengikut undang-undang yang diperuntukkan. Kawasan pentadbirannya adalah mengikut saiz penduduk dan boleh di dalam bandar, perbandaran atau daerah. Oleh itu pihak berkuasa tempatan boleh menjadi Dewan / Majlis Bandaraya, Majlis

Perbandaran atau Majlis Daerah. Secara umumnya, pihak berkuasa tempatan bertanggungjawab ke atas pelbagai perkhidmatan yang berkaitan dengan perumahan, pengurusan sisa, cukai, penilaian tanah, kebersihan alam sekitar, kemudahan/ keselesaan awam, tanggungjawab sosial dan pembangunan di bawah bidang kuasa tempatannya. Contoh pihak berkuasa tempatan adalah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Kajang dan Majlis Daerah Gerik.

### **Badan Berkanun**

11. Pembentukan sebuah badan berkanun adalah ditadbir/termaktub di bawah undang-undang. Badan-badan berkanun ditubuhkan dengan matlamat untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab tertentu selaras dengan matlamat kerajaan. Ia bertindak sebagai badan kawal selia awam yang menjalankan fungsi P&P dan penguatkuasaan kerajaan. Contoh badan berkanun adalah Bank Negara Malaysia, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Suruhanjaya Sekuriti, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

### **Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)**

12. Syarikat Berkaitan Kerajaan (*GLC*) adalah entiti perniagaan yang dimiliki oleh kerajaan atau yang mempunyai kepentingan kerajaan. Bagi tujuan CBP, *GLC* tidak dianggap sebagai di bawah sektor Kerajaan. CBP dikenakan kepada *GLC* seperti mana-mana entiti perniagaan yang lain. Contoh syarikat berkaitan kerajaan adalah Malaysia Building Society Bhd., KLCC Properties Holding, Penerbangan Malaysia dan Petronas.

## **PENGAWALSELIAAN DAN PENGUATKUASAAN SECARA KESELURUHAN**

13. Seksyen 64(1)(b) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 memperuntukkan bahawa Akta ini tidak terpakai kepada pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun berhubung dengan fungsi P&P. Ia dikira menjalankan fungsi P&P dan penguatkuasaan jika;

- (a) pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun yang diberi kuasa oleh mana-mana undang-undang bertulis yang suai manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi P&P dan penguatkuasaan; dan
- (b) yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun itu bukanlah yang sama jenis atau serupa dengan suatu pembekalan yang dibuat oleh mana-mana orang kena cukai lain dan oleh itu adalah tidak kompetitif.

14. Dalam melaksanakan fungsi P&P, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun mengenakan fi, levi, cukai, atau ses dan mengambil tindakan terhadap mereka yang lalai atau gagal untuk mematuhi undang-undang yang berkaitan.

## **LAYANAN CBP KE ATAS KERAJAAN, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN BADAN BERKANUN**

### **Layanan CBP Ke atas Pembekalan Oleh Kerajaan**

15. Konsep penting di bawah CBP adalah konsep pembekalan yang dibuat dalam perjalanan atau penerusan sesuatu perniagaan yang tidak secara langsung berkaitan dengan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri kerana mereka lebih terlibat dalam menjalankan fungsi berkanun dan tidak banyak dalam aktiviti perniagaan. Kerajaan diwujudkan untuk mengawal selia undang-undang yang digubal oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

16. Bagi tujuan CBP, pembekalan Kerajaan diklasifikasikan sebagai pembekalan yang dibuat oleh kementerian, jabatan, suruhanjaya dan agensi di bawah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang berasaskan kepada perundangan. Pembekalan ini pada keseluruhannya dibiayai oleh cukai, pinjaman atau geran yang biasanya tidak mempunyai kaitan secara terus dengan pembekalan.

17. Fungsi P&P kerajaan adalah lebih tertumpu kepada isu berkaitan kawalan risiko kepada masyarakat seperti masalah kesihatan, keselamatan, kebajikan, keadaan pekerjaan, dan persekitaran.

18. Selain daripada fungsi P&P, pembekalan kerajaan sering disediakan sebagai satu kemestian untuk memenuhi kepentingan umum dan tidak mempunyai sifat

perindustrian atau perdagangan. Pembekalan biasanya diberikan secara percuma atau dengan bayaran nominal tanpa berunsurkan keuntungan. Sebagai contoh, rawatan pesakit luar di hospital kerajaan.

19. Pada amnya aktiviti kerajaan bukan bersifat perniagaan, seksyen 64 Akta CBP 2014 telah memperuntukkan bahawa Akta ini tidak terpakai berhubung dengan apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat oleh;

- (a) Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, melainkan jika Menteri mengarahkan selainnya melalui perintah yang disiarkan dalam Warta; atau
- (b) mana-mana pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun berkenaan dengan fungsi (P & P).

20. Dengan peruntukan di atas, pembekalan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dianggap sebagai pembekalan di luar skop kecuali pembekalan itu adalah yang dinyatakan di dalam Perintah CBP (Pemakaian kepada Kerajaan) 2014. Istilah di luar skop bermaksud bahawa pembekalan itu tidak berada dalam ruang lingkup Akta CBP 2014 dan oleh itu tidak tertakluk kepada CBP.

21. Di bawah Perintah CBP (Pemakaian kepada Kerajaan) 2014, pembekalan yang berikut adalah tertakluk kepada CBP;

- (a) Pembekalan air terawat oleh:
  - (i) Jabatan Kerja Raya, Perlis;
  - (ii) Jabatan Kerja Raya, Sarawak; dan
  - (iii) Jabatan Air Negeri Sabah.
- (b) Apa-apa pembekalan yang dibuat oleh Jabatan Penyiaran Malaysia berhubung dengan:
  - (i) ruang pengiklanan atau masa pengiklanan di radio atau televisyen; dan
  - (ii) memberi sewaan peralatan dan kemudahan penyiaran.



- (c) Pembekalan yang dibuat oleh Jabatan Penjara Malaysia berhubung dengan barang yang dibuat dan perkhidmatan yang disediakan oleh banduan.
- (d) Apa-apa pembekalan yang dibuat oleh Jabatan keretapi Negeri Sabah berhubung dengan pengangkutan barang.

22. Jabatan kerajaan seperti yang dinyatakan dalam Perintah CBP (Pemakaian kepada Kerajaan) 2014 perlu didaftarkan di bawah Akta CBP apabila nilai perolehan pembekalan bercukai tahunannya melebihi RM500,000 dalam tempoh dua belas bulan. Setelah berdaftar, jabatan kerajaan itu perlu mematuhi pelbagai tanggungjawab yang dikehendaki daripada seseorang orang berdaftar di bawah Akta. Ini termasuk penyimpanan rekod urus niaga yang dilakukan dengan baik, pengeluaran cukai invoice bagi apa-apa pembekalan yang dibuat, penghantaran penyata CBP mengikut tempoh bercukai yang diberikan, pembayaran CBP dan tuntutan kredit cukai input. Sila rujuk kepada Panduan Umum CBP untuk maklumat lanjut.

### **Layanan CBP ke atas Perolehan Kerajaan**

23. Semua perolehan atau pembelian barang yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri akan diberi pelepasan daripada pembayaran CBP kecuali petroleum dan motokar sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perintah CBP (Pelepasan) 2014 atau menurut kuasa seksyen 56 (3) Akta CBP 2014 di mana Menteri boleh, dalam sesuatu kes tertentu dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut dikenakan, melepaskan kerajaan Persekutuan atau Negeri daripada pembayaran CBP. Walau bagaimanapun, tiada pelepasan daripada pembayaran CBP diberikan bagi perolehan perkhidmatan kerajaan. CBP yang dibayar ke atas perolehan perkhidmatan tersebut tidak boleh dituntut kerana Kerajaan Persekutuan dan Negeri bukan orang berdaftar CBP melainkan mereka adalah jabatan kerajaan yang dinyatakan dalam Perintah CBP (Pemakaian kepada Kerajaan) 2014. Sila rujuk Panduan Pelaksanaan Butiran 3, Jadual Pertama, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 untuk maklumat lanjut.

### **Layanan CBP Ke Atas Geran dan Subsidi Kerajaan**

24. Kerajaan memberi bantuan kewangan dalam bentuk geran dan subsidi kepada sektor tertentu dalam sesebuah ekonomi seperti subsidi untuk diesel, baja, beras, geran penyelidikan dan lain-lain. Geran Kerajaan dan subsidi biasanya diagihkan melalui agensi Kerajaan atau pihak yang dilantik (contohnya Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT)). Layanan CBP ke atas Geran dan subsidi Kerajaan adalah sama ada di luar skop atau dianggap sebagai bukan suatu pembekalan (dalam bentuk tunai) dan dengan itu tidak tertakluk kepada CBP.

### **Layanan CBP Ke Atas Pembekalan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan Dan Badan Berkanun**

25. Pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun biasanya terlibat dalam membuat pembekalan bercampur dan pembekalan berhubung dengan fungsi P&P. Persoalan tersebut adalah berkaitan antara pembekalan perniagaan atau bukan perniagaan. Pembekalan bercampur berlaku apabila pembekalan terdiri daripada kedua-dua pembekalan bercukai dan dikecualikan. Antara contoh pembekalan bercukai ialah menyewakan dewan atau kemudahan sukan. Contoh pembekalan dikecualikan adalah menyewakan kediaman rumah pangsa. Sila rujuk kepada Perintah CBP (Pembekalan Dikecualikan) 2014 untuk mendapatkan senarai penuh pembekalan dikecualikan.

26. Jika pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun menyediakan pembekalan seperti yang dinyatakan secara jelas dalam ordinan negeri dan undang-undang kecilnya yang disifatkan sebagai fungsi P&P dan bukan berbentuk perniagaan ianya dianggap di luar skop CBP. Pembekalan berbentuk persendirian atau perniagaan juga ditawarkan, kaedah-kaedah CBP yang biasa adalah terpakai.

27. Jika fungsi P&P disumberluarkan kepada pihak ketiga, pembekalan barang dan perkhidmatan itu adalah tertakluk kepada CBP seperti perkhidmatan mengutip sampah dan pemetungan. Dalam kes ini syarikat yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Tempatan perlu mengenakan CBP ke atas perkhidmatan yang diberikan itu kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Pihak Berkuasa Tempatan, jika ia adalah orang berdaftar, berhak untuk menuntut kembali cukai input yang ditanggung.

### **Layanan CBP Ke Atas Perolehan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan Dan Badan Berkanun**

28. Semua perolehan atau pembelian yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun, sama ada untuk pembekalan bercukai mereka, pembekalan dikecualikan atau pembekalan berhubung dengan fungsi P&P mereka, adalah tertakluk kepada CBP. Bagi tujuan kredit cukai input, CBP yang ditanggung dalam menyediakan pembekalan bercukai dan pembekalan yang berkaitan dengan fungsi P&P boleh dituntut semula. Pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun perlu menjadi orang berdaftar CBP untuk layak mendapat kredit cukai input.

29. Beberapa contoh fungsi P&P dan pembekalan bercukai pihak berkuasa tempatan adalah seperti di Lampiran 1.

### **Layanan CBP ke atas Pungutan Hasil oleh Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun**

30. Kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun mendapat hasil daripada bekalan tertentu yang dibuat kepada orang awam seperti fi yang dipungut bagi pengeluaran permit, lesen dan pendaftaran dan pendapatan daripada:

- (a) bayaran cess daripada konsesi balak oleh syarikat pembalakan;
- (b) royalti yang dipungut daripada syarikat petroleum yang menjalankan eksplorasi dan eksploitasi ke atas gas dan minyak mentah;
- (c) levi yang dikenakan ke atas kenderaan yang keluar daripada negara;
- (d) fi untuk menender dan pertukaran nombor pendaftaran kenderaan; dan
- (e) fi permohonan untuk kaveat tanah.

31. Pendapatan yang diterima oleh Kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun yang membuat pembekalan P&P adalah dianggap sebagai pembekalan di luar skop dan tidak tertakluk kepada CBP.

## SOALAN-SOALAN LAZIM

### Kerajaan Persekutuan dan Negeri

- S1.** Jika jabatan kerajaan melupuskan asetnya (peralatan pejabat atau tanah atau bangunan), adakah pelupusan aset ini tertakluk kepada CBP?
- J1. Semua aset kerajaan termasuk aset modal yang hendak dilupuskan kepada orang awam adalah dianggap sebagai pembekalan diluar skop, dengan itu ia tidak tertakluk kepada CBP. Jika ia dilupuskan melalui pihak ketiga contohnya pelelong, perkhidmatan yang disediakan oleh pelelong itu adalah tertakluk kepada CBP.
- S2.** Adakah lesen yang dikeluarkan oleh jabatan kerajaan tertakluk kepada CBP?
- J2. Lesen yang dikeluarkan oleh jabatan kerajaan tidak tertakluk kepada CBP kerana lesen dikeluarkan sebagai keperluan/tuntutan P&P.
- S3.** Apakah tanggungjawab Jabatan Kerajaan yang mana pembekalannya disenaraikan di dalam Perintah CBP (Pemakaian kepada Kerajaan) 2014?
- J3. Jabatan yang membuat pembekalan bercukai, perlu mendaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia sebagai orang berdaftar CBP jika nilai pusingan pembekalan bercukainya melebihi nilai ambang yang ditetapkan sebanyak RM500,000 dalam tempoh 12 bulan (sebelum atau masa hadapan). Setelah berdaftar, jabatan itu hendaklah mengenakan CBP ke atas pembekalan bercukai yang dibuat dan mengakaun cukai yang dikutip kepada Kastam Diraja Malaysia.
- S4.** Bolehkah pembekal menuntut cukai input ke atas pembekalan bercukai kepada Kerajaan yang diberi pelepasan daripada pembayaran CBP?
- J4. Pembekal boleh menuntut cukai input ke atas pembekalan bercukai itu kerana pembekalan dianggap sebagai pembekalan bercukai.

- S5.** Adakah saya perlu mengeluarkan cukai invoice ke atas pembekalan bercukai yang diberi pelepasan daripada pembayaran CBP yang dibuat kepada jabatan Kerajaan?
- J5. Jika anda adalah orang berdaftar CBP, anda hendaklah mengeluarkan cukai invoice bagi pembekalan tersebut kerana ia adalah pembekalan bercukai. Untuk membolehkan anda tidak mengenakan dan memungut CBP ke atas pembekalan bercukai (barang) yang dibuat kepada jabatan kerajaan, mereka hendaklah mengemukakan sijil pelepasan (CoGSTR) kepada anda pada masa pemerolehan barang dibuat.
- S6. Bolehkah seorang peniaga yang tidak mencapai nilai ambang yang ditetapkan membuat pembekalan bercukai kepada Kerajaan dan menuntut cukai input?**
- J6. Orang yang berdaftar di bawah CBP layak untuk menuntut cukai input ke atas pembekalan bercukai yang dibuat olehnya dalam perjalanan urusan atau penerusan perniagaannya.

#### **Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun**

- S7. Pihak berkuasa tempatan menyediakan pelan pembangunan untuk mana-mana orang yang ingin mendapatkannya untuk milikan sendiri dan mengenakan bayaran untuk perkhidmatan itu. Adakah bayaran tersebut dikenakan CBP?**
- J7. Ia adalah tertakluk kepada CBP kerana perkhidmatan menyediakan pelan pembangunan bukan satu fungsi P&P.
- S8. Adakah cukai pintu yang dikutip oleh majlis tempatan tertakluk kepada CBP ?**
- J8. Cukai pintu yang dikutip oleh majlis tempatan tidak tertakluk kepada CBP kerana ia merupakan fungsi berbentuk P&P dan penguatkuasaan majlis tempatan.

- S9. Pihak berkuasa tempatan boleh mengenakan denda atas sebab kesalahan parkir , perniagaan penjaja tanpa lesen atau lewat membayar cukai tanah. Adakah denda yang dikenakan tertakluk kepada CBP?**
- J9. Denda tidak dianggap sebagai suatu pembekalan dan tidak tertakluk kepada CBP.
- S10. Satu pihak berkuasa tempatan menyediakan papan iklan untuk syarikat-syarikat bagi mengiklankan produk atau perkhidmatan mereka. Adakah penyediaan papan iklan itu tertakluk kepada CBP?**
- J10. Caj kepada syarikat yang berkaitan dengan pengeluaran permit / lesen untuk mengiklan adalah dianggap sebagai pembekalan di luar skop dan tidak tertakluk kepada CBP. Walau bagaimanapun, caj penggunaan papan iklan yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan bagi tujuan pengiklanan adalah tertakluk kepada CBP.
- S11. Pihak berkuasa tempatan menyewakan sebuah tapak sebagai pasar basah kepada peniaga. Adakah fi tapak yang dikenakan tertakluk kepada CBP?**
- J11. Pihak berkuasa tempatan membuat pembekalan hak untuk menggunakan lot di pasar basah kepada peniaga-peniaga untuk menjual produk mereka. Ini adalah merupakan aktiviti perniagaan dan tertakluk kepada CBP.
- S12. Dewan Bandaraya membuat penyumberan luar perkhidmatan lampu jalan kepada pihak ketiga. Apakah layanan CBP ke atas pembekalan penyumberan luar tersebut?**
- J12. Perkhidmatan lampu jalan adalah sebahagian daripada fungsi P&P yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya. Walau bagaimanapun, jika pihak ketiga diberi kontrak untuk menjalankan perkhidmatan lampu jalan, pihak ketiga itu sebenarnya membuat pembekalan bercukai kepada Dewan Bandaraya dan ia tertakluk kepada CBP.

**S13. Adakah subkontraktor perlu mengenakan CBP kepada kontraktor utama yang telah diberi kontrak untuk menjalankan kutipan sampah bagi pihak suatu pihak berkuasa tempatan?**

J13. Jika sub-kontraktor ialah orang berdaftar CBP, dia mesti mengenakan CBP ke atas perkhidmatan yang diberikan kepada kontraktor utama atas sebab sub-kontraktor ini membuat pembekalan bercukai kepada kontraktor utama. Jika kontraktor utama adalah orang berdaftar CBP, dia perlu mengenakan CBP kepada pihak berkuasa tempatan ke atas perkhidmatan yang dibekalkan.

**S14. Apakah layanan CBP ke atas aset yang dimiliki oleh majlis tempatan yang dilupuskan kepada orang awam?**

J14. Jika aset tersebut digunakan untuk membuat pembekalan bercukai dan majlis tempatan adalah orang berdaftar CBP, maka ia hendaklah mengenakan dan mengakaunkan CBP ke atas pelupusan aset.

**S15. Apakah layanan CBP ke atas penyewaan dewan badminton, balai raya, dan lain-lain oleh majlis tempatan?**

J15. Pembekalan yang dibuat tidak berkaitan dengan fungsi P&P, oleh itu ia adalah tertakluk kepada CBP.

**S16. Adakah pihak berkuasa tempatan perlu berdaftar mengikut bahagian-bahagian yang membuat pembekalan bercukai secara berasingan?**

J16. Tidak ada keperluan untuk pihak berkuasa tempatan untuk mendaftar secara berasingan. Sila rujuk Panduan Pendaftaran untuk maklumat lanjut.

**S17. Adakah badan berkanun yang membuat pembekalan di luar skop secara keseluruhannya berdaftar di bawah Akta CBP?**

J17. Badan berkanun yang membuat pembekalan di luar skop secara keseluruhannya tidak dikehendaki berdaftar di bawah Akta CBP. Peraturan ini juga terpakai kepada badan berkanun yang membuat pembekalan dikecualikan sepenuhnya atau pembekalan bercampur iaitu pembekalan di luar skop dan pembekalan dikecualikan. Jika badan berkanun membuat pembekalan

bercampur, iaitu kedua-dua pembekalan di luar skop dan pembekalan bercukai, badan berkanun tersebut adalah dikehendaki untuk berdaftar. Sila rujuk Panduan Pendaftaran untuk maklumat lanjut.

**S18. Adakah yuran peperiksaan yang dikenakan oleh badan berkanun seperti Lembaga Jurutera (BEM), Lembaga Arkitek (BAM) dan lain-lain untuk kemasukan ke profesion dikenakan CBP?**

J18. Fi peperiksaan yang berkaitan dengan fungsi P&P adalah pembekalan di luar skop.

**S19. Apakah layanan CBP ke atas yuran pendaftaran yang dibayar oleh arkitek kepada Lembaga Arkitek Malaysia (BAM) bagi membolehkan mereka mempraktikkan dalam bidang mereka?**

J19. Fi pendaftaran/keahlian yang berkait dengan fungsi P&P adalah di luar skop.

**S20. Sebuah badan berkanun menganjurkan konvensyen, seminar atau persidangan untuk ahli-ahli dan orang awam dan mereka perlu membayar yuran pendaftaran untuk menghadiri acara ini. Apakah layanan CBP ke atas ini yuran pendaftaran ini?**

J20. Fi kemasukan yang dibayar untuk menghadiri konvensyen, seminar atau persidangan yang dianjurkan oleh sebuah badan berkanun tersebut merupakan satu pembekalan bercukai. Oleh itu, CBP dikenakan ke atas yuran pendaftaran.

#### **Geran, Subsidi dan Royalti (Pembekalan oleh Kerajaan)**

**S21. Adakah geran yang diberikan oleh Kerajaan melalui jabatan Kerajaan tertakluk kepada CBP?**

J21. Pembekalan yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri adalah pembekalan di luar skop dan tidak tertakluk kepada CBP. Oleh itu geran yang diberi oleh kerajaan itu tidak dianggap sebagai suatu pembekalan dan tidak tertakluk kepada CBP.

**S22. Apakah layanan CBP ke atas geran penyelidikan yang diberikan oleh Kerajaan?**



- J22. Pemberian geran secara sekaligus oleh Kerajaan dianggap sebagai bukan suatu pembekalan dan tidak tertakluk kepada CBP. Sekiranya kerajaan menerima manfaat hasil daripada pemberian geran tadi dalam bentuk hak cipta penyelidikan sebagai balasan, maka hak cipta itu adalah satu pembekalan bercukai. Sekiranya penerima geran merupakan orang berdaftar CBP, ia hendaklah mengakaunkan CBP ke atas pembekalan hak cipta kepada Kerajaan.

## **PERTANYAAN**

1. Sebarang pertanyaan berkenaan panduan ini sila hubungi :

Sektor I

Bahagian GST

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 3 – 7, Blok A, Menara Tulus,

No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,

62100 Putrajaya.

Emel: [gstsector1@customs.gov.my](mailto:gstsector1@customs.gov.my).

## **BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT BERKAITAN CBP**

2. Maklumat lanjut berkaitan CBP boleh diperolehi daripada:

(a) Laman sesawang CBP : [www.gst.customs.gov.my](http://www.gst.customs.gov.my)

(b) Pusat Panggilan Kastam:

- Tel : 03-78067200/ 1-300-888-500
- Faks : 03-78067599
- Emel : [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my).

## LAMPIRAN 1

### PERKHIDMATAN DIKATEGORIKAN SEBAGAI PENGAWALSELIAAN DAN PENGUATKUASAAN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN

#### 1. Pembangunan

- (a) Kelulusan kebenaran merancang (pelan susun atur); baru dan disemak semula;
- (b) Kelulusan kebenaran merancang (pelan landskap);
- (c) Kelulusan merancang (binaan bangunan);
- (d) Kelulusan merancang (perubahan nama taman dan alamat);
- (e) Kelulusan merancang (Kelulusan perlanjutan tempoh);
- (f) Kelulusan merancang (menukar penggunaan bangunan daripada kediaman kepada perniagaan dan taman asuhan/ tadika);
- (g) merancang (papan iklan);
- (h) Kelulusan merancang (nama jalan, bangunan dan nama taman);
- (i) Kelulusan kerja tambahan pada bangunan yang sedia ada;
- (j) Kebenaran untuk menyimpan bahan binaan kedai di rezab jalan dan tempat awam;
- (k) Permit kerja darat & pengangkutan darat;
- (l) Kelulusan perintah pembangunan;
- (m) Kelulusan pelan bangunan;
- (n) Kelulusan pelan infrastruktur (jalan & perparitan);
- (o) Kelulusan pelan lampu jalan;
- (p) Kelulusan pelan kerja darat.

## **2. Pengeluaran Lesen**

### **Lesen Perniagaan**

- (a) Lesen penjaja sementara;
- (b) Lesen penjaja – pasar malam / pasar pagi;
- (c) Lesen gerai / pasar;
- (d) Lesen kedai dan pengiklanan;
- (e) Lesen restoran;
- (f) Lesen kilang;
- (g) Permit meletak kerusi/meja di bahu jalan.

## **3. Lesen Gabungan**

- (a) Lesen anjing;
- (b) Lesen/permit untuk menjadi kontraktor pembuangan sampah;
- (c) Lesen untuk menyimpan bahan-bahan berbahaya (minyak, gas, bahan kimia);
- (d) Lesen/permit hiburan tetap;
- (e) Lesen/ permit hiburan sementara (pertunjukan pentas dan persembahan filem tidak tetap).

## **4. Lesen Pengiklanan**

- (a) Lesen pengiklanan tetap
- (b) Permit pengiklanan sementara
- (c) Kelulusan papan iklan sementara / permit unipole.

**PERKHIDMATAN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN YANG  
DIKATEGORIKAN SEBAGAI PEMBEKALAN KENA CUKAI**

Contoh perkhidmatan yang dikenakan cukai oleh pihak berkuasa tempatan;

1. Sewaan auditorium;
2. Sewaan dewan;
3. Sewaan kemudahan sukan;
4. Sewaan gerai;
5. sewaan peralatan seperti meja, kerusi dan khemah;
6. Jualan tumbuh-tumbuhan (bunga); dan
7. Sewaan ruang parkir.